

Tugas menyelamatkan lebih lancar guna kad canggih bantuan kecemasan

Kad dibangun MOH dengan firma Norway adalah yang pertama tercipta di dunia

► HARYANI ISMAIL
haryani@sph.com.sg

PELAJAR Maktab Rendah Temasek (TJC), Muhammad Luqman Abdul Rahman, 18 tahun, sudah mempelajari cara memberi bantuan pernafasan kecemasan (CPR) seawal usia 14 tahun.

Tatkala itu, ia sebagai persediaan sendainya kecemasan berlaku kepada neneknya yang sudah lanjut usia.

Kini, dengan terciptanya kad canggih *CPRcard* yang membimbing pengguna dengan memberi maklum balas spontan tentang berapa cepat atau dalam pemampatan dada yang diperlukan, tugas Muhammad Luqman memberikan bantuan sedemikian menjadi lebih lancar.

Belia 18 tahun itu malah sudah menyelamatkan dua warga senja yang terhenti jantungnya berbekalkan kad itu.

Keberkesanan *CPRcard* yang dibangunkan Unit Jagaan Kecemasan Prahospital (UP-EC), Kementerian Kesihatan (MOH), dengan kerjasama syarikat pengeluar peralatan perubatan mudah alih di Norway, Laerdal Medical, sedang diuji dalam fasa pertama projek

masan Masyarakat (Cert), Persatuan Rakyat (PA), menjalani latihan beramai-ramai sempena Karnival Kesihatan dan Sukan Chua Chu Kang di Kelab Masyarakat Choa Chu Kang.

Menteri Kesihatan, Encik Gan Kim Yong, turut mencuba keberkesanan *CPRcard*.

Menceritakan pengalamannya, Muhammad Luqman, yang menggunakan aplikasi *myResponder* yang menghubungkannya dengan pesakit yang memerlukan CPR, berka-

REDAKAN RASA PANIK:
Muhammad Luqman Abdul Rahman, 18 tahun, sudah menyelamatkan dua nyawa warga senja menggunakan *CPRcard* yang dapat memberi maklum balas spontan tentang cara memberikan CPR mengikut keadaan pada masa itu. — Foto ZALEHA ABDUL KADER



CPRcard

KAD canggih berukuran seperti kad kredit, *CPRcard*, yang memantau dan memberi maklum balas tentang mutu bantuan pernafasan kecemasan (CPR) yang diberi adalah yang pertama tercipta di dunia.

Ia dilengkapi penderia dan apabila diletakkan pada dada si pesakit, maklum balas spontan tentang berapa cepat atau berapa dalam gerak pemampatan dada yang diperlukan tertera menerusi isyarat lampu hijau.

Lampu hijau pertama menandakan tekanan dada sedalam empat hingga enam sentimeter yang wajar telah dicapai. Lampu hijau kedua pula akan menyala jika kadar pemampatan antara 100 hingga 120 tekanan seminit dicapai.

Cip ingatan pada kad ini juga boleh merakam data bagi langkah susulan yang membaiki mutu CPR yang diberi pengguna pada masa akan datang.

Penduduk antara 11 tahun dengan 74 tahun digalakkan menjalani Latihan Penggerak Balas Pertama Masyarakat, menggunakan *CPRcard* dengan menghubungi kelab masyarakat setempat. E-mel PA_iknowmyneighbours@pa.gov.sg

masan Masyarakat (Cert), Persatuan Rakyat (PA), menjalani latihan beramai-ramai sempena Karnival Kesihatan dan Sukan Chua Chu Kang di Kelab Masyarakat Choa Chu Kang.

Menteri Kesihatan, Encik Gan Kim Yong, turut mencuba keberkesanan *CPRcard*.

Menceritakan pengalamannya, Muhammad Luqman, yang menggunakan aplikasi *myResponder* yang menghubungkannya dengan pesakit yang memerlukan CPR, berka-

ta: "Dalam dua peristiwa berasingan, saya bergegas ke rumah dua warga senja sekitar Chai Chee yang mengalami masalah jantung terhenti.

"Pernah juga aplikasi saya berbunyi dalam perjalanan ke sekolah sehingga saya perlu beritahu Cikgu, saya lewat kerana perlu segera membantu orang.

"Kad ini melegakan rasa cemas kerana ia akan memberi tunjuk ajar tentang proses

CPR yang sewajarnya mengikut keadaan mahupun kedudukan si pesakit, di lantai atau katil. Ia pastikan kita tidak terlalu cepat atau terlalu dalam menekan dada si pesakit sehingga membahayakan nyawanya."

Mengulas, Encik Gan berkata:

"Kecemasan jantung berlaku di mana-mana dan bila-bila masa sahaja. Dengan teknologi *CPRcard* ini, individu yang terlatih akan mampu memberikan bantuan le-

bih berkesan sementara menanti ambulans tiba."

Pengaruh Perubatan, UPEC dan Konsultan Kanan di Jabatan Perubatan Kecemasan, Hospital Besar Singapura (SGH), Profesor Madya Marcus Ong, pula menambah:

"Dengan menggunakan *CPRcard* ini, orang awam akan lebih yakin menjalankan CPR dalam kes kecemasan. Dengan adanya maklum balas spontan yang membimbing mereka, nyawa pesakit akan lebih segera diselamatkan sebelum sampai ke hospital."